

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 17 MEI 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Panas Ekstrem El Nino Yang Semakin Berakhir	BERNAMA
2.	Labur RM30j untuk produk Astatude	Sinar Harian



Panas Ekstrem El Nino Yang Semakin Berakhir

Oleh Kurniawati Kamarudin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Hujan yang mula dialami sejak pertengahan April dan berlarutan sehingga kini memberi petanda cuaca panas ekstrem, El Nino yang melanda negara semakin berakhir.

Fenomena El Nino yang dikesan bermula Mac tahun lepas dan menjadi kuat pada bulan Disember hingga awal tahun ini, kini beransur lemah dan dijangka akan pulih sepenuhnya pada Jun nanti.

Kesan cuaca panas kering disebabkan kenaikan suhu dan perubahan taburan hujan dalam tempoh lebih 10 bulan terutamanya semasa bulan Januari hingga April 2016 bukan sahaja mengakibatkan paras air sungai dan empangan di seluruh negara menyusut tetapi turut memberi kesan kepada hasil pengeluaran pertanian. Malahan pasukan bomba terpaksa bertungkus lumus memadamkan kebakaran hutan dan semak.

Pada ketika negara akan mengucapkan selamat tinggal kepada El Nino, kini ia bersiap sedia pula untuk menghadapi La Nina, iaitu cuaca yang bertentangan pula dijangka berlaku sehingga akhir tahun. Rakyat Malaysia akan menghadapi hujan sehingga akhir tahun.

La Nina terjadi apabila suhu permukaan laut di kawasan khatulistiwa di tengah dan timur Lautan Pasifik menjadi lebih rendah daripada biasa.

FENOMENA EL NINO EKSTREM

Dilaporkan nilai kerugian yang terpaksa ditanggung oleh negara-negara Asia Tenggara yang terkesan akibat El Nino tidak kurang daripada USD10 billion (RM40 billion).

Berlaku dalam tempoh dua hingga tujuh tahun, fenomena El Nino kali ini dikategorikan sangat kuat menyamai kekuatan El Nino terkuat dalam sejarah yang berlaku pada tahun 1997/1998.

Sebelum itu, El Nino kuat yang direkodkan pada tahun 1982/1983.

Tempoh hayat El Nino berlaku biasanya antara enam bulan hingga satu setengah tahun dan suhu tertinggi yang direkodkan di Malaysia pada fenomena kali ini adalah di Batu Embun, Pahang dengan suhu 39.3 celsius.

Ketika El Nino pada tahun 1997/1998 suhu tertinggi direkodkan 40.1 celsius iaitu di Chuping, Perlis.

El Nino bukan fenomena baharu, ia telah mula direkodkan sejak tahun 1951/1952. Ketika itu El Nino yang berlaku dalam kadar yang lemah dan pada masa sama masyarakat kurang mengetahuinya, menurut **Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Meteorologi Malaysia, Alui Bahari.**

"Sekarang masyarakat kita sudah berbeza, mereka lebih berpengetahuan dan sangat mengambil berat tentang perubahan-perubahan cuaca yang berlaku sama ada dalam negara atau dunia." katanya ketika ditemui di Bernama baru-baru ini.

Diambil daripada perkataan Sepanyol bermaksud 'anak lelaki', El Nino terjadi disebabkan pemanasan suhu permukaan laut di sekitar kawasan Khatulistiwa di kawasan tengah dan timur Lautan Pasifik yang membawa kesan cuaca panas dan kering kepada negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Filipina dan Indonesia serta Utara Australia.

Sebaliknya di selatan Amerika Syarikat, sebahagian Mexico, sebelah barat Amerika Selatan dan tengah Afrika mengalami keadaan cuaca yang lebih lembab.

Kajian oleh Jabatan Meteorologi mendapati kesan El Nino lebih dirasakan di Sabah dan utara Sarawak, negeri-negeri di pantai timur dan negeri-negeri utara Semenanjung.

Paling ketara dirasakan pada El Nino kali ini adalah di kawasan Kedah, Perlis, Perak serta di pedalaman Kelantan dan Pahang seperti Kuala Krai, Chuping dan Batu Embun apabila taburan hujan yang sememangnya sedikit pada waktu biasa, berkurangan sehingga mencapai 60 peratus.

PERALIHAN MONSUN

Dengan fenomena El Nino yang semakin lemah, hujan pada sebelah petang dan senja di kebanyakan tempat yang berlaku sekarang hingga hujung Mei ini mengurangkan suhu panas.

Peralihan monsun dengan angin lemah dari pelbagai arah telah membawa hujan dan ribut petir yang lebih kerap terutama di negeri-negeri di pantai barat Semenanjung. Ia akan menurunkan hujan dalam jumlah yang semakin banyak dan meliputi lebih banyak kawasan.

"Ini memang lazim berlaku pada bulan April hingga pertengahan Mei dan begitu juga pada bulan Oktober hingga awal November yang kita sebut tempoh peralihan monsun," katanya.

Menurutnya cuaca di negara kita mengalami dua monsun iaitu Monsun Barat Daya yang berlaku antara hujung Mei hingga September dan Monsun Timur Laut yang berlaku antara November hingga Mac.

Paling dibimbangi ketika peralihan monsun ini adalah kejadian ribut petir yang kuat yang boleh mendatangkan angin kuat sehingga mampu menumbangkan pokok dan rumah.

Pada masa yang sama, rebut petir yang kuat juga boleh membawa hujan lebat yang mengakibatkan banjir kilat kawasan-kawasan rendah atau kawasan-kawasan pesat penduduk di mana salirannya kurang baik.

Baru-baru ini, hujan lebat tanpa henti selama dua jam menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan di Putrajaya, Kajang, Kelang dan Shah Alam dan turut menyebabkan beberapa insiden pokok tumbang di beberapa kawasan di sekitar Lembah Klang.

Pada hujung Mei ini, Monsun Barat Daya dijangkakan bermula dan berterusan sehingga September. Walaupun jumlah hujan bulan dijangka kembali kepada normal kerana fenomena El Nino telah tamat, kebiasaannya semasa Monsun Barat Daya jumlah hujan adalah agak kurang berbanding biasa.

Kejadian jerebu boleh berlaku semasa Monsun Barat Daya sekiranya pembakaran terbuka tidak terkawal sama ada dalam negara atau jerebu merentas sempadan dari negara jiran.

FENOMENA LA NINA

Selepas berakhirnya El Nino, pada hujung tahun ini negara juga dijangka berhadapan dengan satu lagi fenomena iaitu La Nina yang berlawanan dengan El Nino.

Menurut Alui, berdasarkan model cuaca, keberangkalian berlakunya La Nina adalah pada kadar 60 peratus yang dijangkakan berlaku sekitar hujung tahun.

"Pihak kami sentiasa memantau keadaan ini terutama tiga bulan sebelum jangkaan tibanya La Nina untuk kita membuat sebarang persediaan," katanya.

Sekiranya keadaan sebaliknya, cuaca akan kembali seperti biasa dengan musim tengkujuh pada Disember nanti dengan hujan turun pada kadar normal dengan purata antara 600 hingga 700 mm di sebelah Pantai Timur Semenanjung.

Sementara itu, seorang lagi pakar iklim, Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata, mengikut pencerapan cuaca di rantau Pasifik sehingga kini fasa El Nino masih mempengaruhi rantau ini dan hanya akan berakhir pada Jun nanti.

La Nina dijangka menyusul selepas berakhirnya El Nino yang kadarnya sama kuat dengan La Nina yang berlaku pada tahun 2008 dan 2011.

Azizan yang bersependapat dengai Alui berkata hujan yang turun kini bukanlah disebabkan fasa La Nina yang telah bermula sebaliknya disebabkan perubahan monsun yang biasa berlaku pada bulan April hingga Mei.

Bukanlah sesuatu yang aneh jika di Kuala Lumpur mendapat hujan lebat ketika perubahan monsun ini. Jika melihat pada rekod intensiti hujan pada April ini tidaklah berbeza dengan iklim sebelum ini, katanya.

"Masalah banjir kilat disebabkan masalah pembangunan di Lembah Kelang terutama Kuala Lumpur yang sangat pesat terutama masalah sistem perparitan. Kawasan hutan dan tanah lapang yang berdaya menyerap hujan telah diturap oleh jalan konkrit.

"Air hujan yang turun kesemuanya menjadi air larian permukaan dan dengan cepat akan bergerak mencari kawasan terendah menghasilkan banjir kilat," katanya.

KAWASAN YANG TERKESAN LA NINA

Kawasan di negeri-negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak dijangka akan menerima kesan La Nina yang kemungkinan akan berhadapan dengan banjir pada awal musim Timur Laut.

"Banjir berlaku bergantung kepada di mana lokasi hujan itu turun dan berapa lama ia turun. Jika turun di kawasan pesisir pantai, ia tidak akan membawa banjir besar seperti yang berlaku pada 2014," katanya.

Banjir besar terhasil sekiranya pusat hujan bergerak ke pedalaman dan turun secara berterusan antara empat ke lima hari seperti mana berlaku pada banjir 2014, ia akan menyumbang kepada peningkatan pasas sungai luar biasa iaitu 10 meter di sesetengah kawasan dan menjadi punca banjir besar.

JANGAN LUPA JEREBU

Azizan yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan Universiti Malaya berkata kawasan lain di rantau ini seperti Sumatera dan Kalimantan masih lagi dalam cuaca panas dan kering kesan daripada El Nino.

Dibimbangi sekiranya kawasan tersebut memulakan musim pembakaran pada bulan Julai nanti, angin barat daya dan selatan akan membawa asap pembakaran untuk menghasilkan jerebu di kawasan kita.

Bagaimanapun jerebu mungkin tidak seteruk 2015 kerana La Nina dijangka semakin kuat pada Julai hingga Ogos yang akan merangsang lebih banyak hujan di rantau ini, katanya.

"Kita mempunyai banyak eset di Pantai Timur seperti Kemaman, Kota Bharu yang harus memulakan proses berjaga-jaga seandainya kejadian jerebu merentas sempadan berlaku pada Julai hingga Ogos dan selepas itu siap siaga menghadapi kemungkinan banjir di Pantai Timur dan Sarawak khasnya di Sarawak Selatan iaitu kawasan Kuching," katanya.

BERNAMA

Labur RM30j untuk produk Astatude

ALGAETECH International Sdn Bhd (Algaetech), syarikat bioteknologi berpangkalan di Malaysia, yang dianugerahkan status BioNexus, melabur RM30 juta bagi mengeluarkan produk rangkaian penjagaan kulit, berasaskan Astaxanthin, menerusi jenama Astatude.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Syed Isa Syed Alwi berkata, pelaburan termasuk kos pembangunan dan penyelidikan (R&D) dijalankan selama sembilan tahun dan kilang di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil.

"Kajian alga mengambil masa lama kerana ia boleh digunakan untuk tenaga, makanan, bahan kimia dan lain-lain.

"Kami mencari fokus produk yang akan dihasilkan, sebelum akhirnya memutuskan menghasilkan produk kecantikan kulit, menggunakan pembiakan alga yang menghasilkan Astaxanthin. Berdasarkan kajian saintifik, Astaxanthin merupakan antioksidan baik untuk penjagaan kulit dan anti penuaan," katanya selepas pelancaran

produk Bionext di Kuala Lumpur.

Syed Isa berkata, rangkaian produk penjagaan kulit Astatude menampilkan enam jenis produk iaitu cleansing milk, cleansing gel, losyen penyegar, booster serum, pelembap siang dan malam, dijual pada harga RM100 dan RM260.

Semua produk boleh didapati secara atas talian menerusi *astatude.com*, selain pasaran atas talian, *11street* dan *Lazada*.

"Kami memfokuskan platform *online* buat masa ini untuk membolehkan orang ramai, termasuk dari luar negara mendapatkan produk Astatude," katanya.

Beliau berkata, syarikat itu menyasarkan jualan Astatude sebanyak RM7 juta di negara ini, menjelang akhir tahun ini.

Algaetech bakal mengeluarkan 10 lagi produk baharu pada tahun ini, antaranya rangkaian produk pencerah.

Algaetech terlibat R&D mikroalga, selain pengeluaran dan pemasaran produk alga bernilai tinggi, serta peneraju industri alga sejak 2006.



Syed Isa menunjukkan produk penjagaan kulit jenama Astatude.